



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2017/01/02 (HQ)**

### **OPERASI 7 PENCAWANG ELEKTRIK TNB DI SETIU DIHENTIKAN AKIBAT BANJIR**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah menghentikan sementara bekalan untuk 7 buah pencawang elektrik (PE) di beberapa kawasan di Setiu akibat banjir bermula pada 3 Januari 2017 pada jam 10:00 pagi.

Pengurus Besar Kanan (Distribution Network) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata penghentian operasi pencawang-pencawang ini membabitkan sejumlah 528 pengguna. Ia bagi mengelakkan daripada berlakunya litar pintas.

“Pasukan Bertindak Kecemasan TNB telah digerakkan di negeri-negeri yang dilanda banjir ketika ini.”

"Fokus utama pasukan kami adalah untuk memastikan pusat-pusat penempatan mangsa banjir dan lokasi-lokasi penting seperti hospital mempunyai bekalan elektrik."

"Sebagai persiapan awal menghadapi kemungkinan banjir, pihak kami telah menempatkan janakuasa mudahalih di lokasi yang strategik untk memudahkan ianya digerakkan sebaik diiperlukan."

TNB juga akan memastikan keselamatan orang ramai sentiasa diberi keutamaan, termasuk dengan memutuskan bekalan ke kawasan yang teruk dilanda banjir atas faktor keselamatan. Penyambungan semula bekalan elektrik akan dibuat dengan kadar segera sebaik ia selamat dilakukan, kata Wan Nazmy.

Sehingga jam 5:00 petang, 7 pencawang elektrik telah dihenti tugas di Setiu. TNB juga telah membuka bilik gerakan di negeri yang terlibat dengan banjir bagi memantau keadaan dan menyalurkan maklumat terkini mengenai bekalan elektrik.

“Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik, orang ramai boleh menghubungi talian TNB CareLine di 15454,” kata Wan Nazmy. Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya mengutamakan aspek keselamatan dan mematuhi arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 6:00 petang, 3 Januari 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*